



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

**MENCONTOHI NABI IBRAHIM عليه السلام DALAM KEHIDUPAN
(KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA KHAS PKP 20 JULAI 2021)**

BERSAMAAN 10 ZULHIJAH 1442 HIJRAH

MENCONTOHI NABI IBRAHIM عَلَيْهِ السَّلَامُ DALAM KEHIDUPAN
(KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA KHAS PKP 20 JULAI 2021)

BERSAMAAN 10 ZULHIJAH 1442 HIJRAH

**Khatib mempunyai pilihan, sama
ada hendak membaca takbir ini
ataupun tidak.**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin Muslimin dan Muslimat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dan hendaklah kita merasa insaf, bahawa apapun kedudukan kita atas muka bumi ini di sisi manusia, apapun pangkat dan nama yang diberikan kepada kita oleh manusia, kita sebenarnya tidak lebih hanyalah hamba ALLAH. Dunia ini hanyalah sementara, kehidupan kita yang hakiki adalah di akhirat kelak. Tugas yang ALLAH berikan kepada kita semua adalah sama, iaitu membuat sebanyak mungkin pahala, dan mengurangkan semampu mungkin dosa. Sesiapa yang berjaya keluar dari dunia ini membawa bersamanya pahala atau amalan soleh yang lebih

banyak dibandingkan dosanya, maka dia berjaya. Sesiapa yang keluar dari dunia ini dalam keadaan dosanya lebih berat dibandingkan pahalanya, maka dia orang yang gagal dan dalam kerugian. Firman ALLAH dalam Surah al-Qariah ayat 6-11:

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ﴿٦﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ﴿١٠﴾ نَارٌ حَامِيَةٌ ﴿١١﴾

Maksudnya;“Adapun orang yang berat timbangan (amalan baiknya), maka dia berada dalam kehidupan yang senang lenang. Sebaliknya orang yang ringan timbangan (amalan baiknya), maka tempat kembalinya ialah "Haawiyah". Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia "Haawiyah" itu? (Haawiyah itu ialah): api yang panas membakar”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat Yang Di hormati Sekalian,

Dalam menghasilkan amalan soleh dan mengurangkan dosa, ALLAH tidak pernah membezakan peluang untuk para hambaNYA. Setiap insan boleh melakukan amalan soleh di mana sahaja dia berada, siapapun dirinya dan apapun kedudukannya di sisi manusia. Di sisi ALLAH, tidak dipandang harta dan pangkatnya, sebaliknya yang dinilai ialah keikhlasan niat dan amalan yang menepati ajaran ALLAH dan RasulNYA. Amalan soleh itu pula begitu pelbagai dan bermacam. Segala perbuatan yang ALLAH sukai maka itu merupakan amalan soleh. Bermula dari ibadah besar seperti solat, doa, zikir, puasa, sedekah, haji, mencari nafkah, menggauli isteri atau suami dengan cara yang baik, tolong menolong untuk kebaikan, berbuat baik kepada ibubapa, jiran tetangga, membuang bahaya di jalanan dan apa sahaja amalan yang ALLAH suka, dinilai sebagai amalan soleh. Sehingga Nabi s.a.w bersabda:

تَبَسُّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ

Ertinya;“Senyuman mesramu di hadapan wajah saudaramu (diberikan) untukmu pahala sedekah”. (Hadis Sahih Riwayat Al-Tirmizi)

Oleh itu, peluang mencari keredhaan ALLAH atau melakukan amalan soleh begitu luas untuk setiap para hambanya, dengan syarat ia dilakukan kerana ALLAH dan mengikuti apa yang ditunjukkan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Dan Muslimat Yang Di Muliakan,

ALLAH Yang Maha Pengasih tidak hanya menilai pahala pada bilangan atau jumlah amalan semata-mata, tetapi juga dinilai kadar keadaan dan kesukaran diri mereka yang mengamalkannya. Seorang peniaga yang terpaksa meninggalkan perniagaan kerana ingin bersolat, tentu ganjarannya lebih besar dibandingkan mereka yang memang mempunyai masa

lapang untuk bersolat. Seseorang yang menanggung kepenatan untuk mendapat nafkah yang halal, tentu pahalanya lebih besar, jika dibandingkan dengan mereka yang mudah mendapat rezeki. Seseorang yang mengumpulkan wang dengan susah payah untuk melakukan korban, atau haji, atau bersedekah, tentu pahalanya lebih besar dibandingkan mereka yang ALLAH berikan kekayaan. Begitulah seterusnya. Allah Maha Mengetahui keadaan hamba-hambaNYA.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Dan Muslimat yang Di Muliakan,

Jika kita lihat ALLAH telah memudahkan kita menuju syurga. Pun begitu, didapati kebanyakan manusia tidak memilih jalan syurga. Mengapa?, jawabannya kerana dunia ini penuh dengan cabaran dan ujian. Banyak perkara-perkara yang mengganggu manusia untuk terus beristiqamah sehingga ke akhir hayat dalam menuju jalan yang ALLAH redhai. Nabi SAW bersabda:

حُجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ، وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ

Maksudnya;“*Ditutupi neraka dengan perkara-perkara yang memberangsangkan (syahwat). Ditutupi syurga dengan perkara-perkara yang dibenci (oleh nafsu)*”. (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Ertinya, godaan dunia sentiasa menipu mata dan perasaan kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat Yang Di Kasih Sekalian,

Supaya manusia mempunyai panduan dalam kehidupan dalam menghadapi ujian dan godaan, maka ALLAH menghantar contoh teladan yang baik untuk manusia contohi. Justeru, apabila kita menunaikan haji atau melakukan ibadah korban, kita akan mengingati Nabi Ibrahim AS yang merupakan teladan dalam kehidupan kita. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Mumtahanah ayat 4:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَّاءُ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ

وَحَدَّثَهُ

Maksudnya;“*Sesungguhnya adalah bagi kamu pada (diri Nabi) Ibrahim dan pengikut-pengikutnya contoh ikutan yang baik, semasa mereka berkata kepada kaum mereka (yang kafur). Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu*

sembah yang lain dari Allah; kami menolak (segala penyembahan) kamu dan (dengan ini) nyatalah permusuhan dan kebencian antara kami dengan kamu selama-lamanya sehingga kamu menyembah Allah semata-mata”.

Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dipilih ialah untuk dicontohi pada hari raya Aidil Adha ini dan juga supaya dapat mengingatkan umat ini tentang perjuangan dan pengorbanannya. Hidup Nabi Ibrahim AS adalah hidup yang dipenuhi dengan pengorbanan tanpa henti. Disebabkan pengorbanan Nabi Ibrahim, tertegaknya ibadah haji dan korban, bahkan segala suri teladan yang indah dalam beragama. Jika kita renungi peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim AS dengan anaknya Nabi Ismail AS kita akan faham bahawa bukanlah sukar untuk melakukan tindakan menyembelih, tetapi yang sukar itu adalah untuk bertarung dengan perasaan, kepentingan dan derita jiwa ketika melakukan pengorbanan. Menggerakkan pisau untuk menyembelih bukan satu aksi yang sukar. Namun, untuk menyembelih insan yang dikasihi demi menunaikan titah perintah Allah amatlah sukar. Allah Yang Maha Penyayang bukan mahu supaya Ibrahim AS membunuh anaknya Nabi Ismail. Maka, ALLAH menggantikannya dengan haiwan yang sebenar. Apa yang Allah mahu ialah Nabi Ibrahim AS memperlihatkan bahawa cintanya kepada Allah mengatasi segala perasaannya. Itulah kemuncak seorang hamba yang soleh, itulah kemuncak seorang insan dalam pengabdian dirinya kepada Tuhan. Apabila kedudukan perintah Allah dalam hidup kita ini mengatasi segala perkara yang lain, bererti kita benar-benar menjadi hamba ALLAH. Dalam masa yang sama kita pun tahu, segala yang ALLAH perintahkan untuk kita lakukan atau tinggalkan, hanyalah untuk kebaikan atau kemaslahatan kita semata.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat Yang Di Rahmati Allah Sekalian,

Maka, jika kita melakukan korban kerana ingin mencontohi perbuatan Nabi Ibrahim AS. tetapi jiwa dan kefahaman kita gersang tentang hakikat perjuangan dan pengorbanan untuk menjadi hamba ALLAH yang sebenar, maka tujuan pensyariatan korban itu tidak menuju ke sasarannya. Jadilah kadang-kala majlis korban itu majlis bermegah-megah, atau sekadar memberikan daging dan melupai falsafah perjuangan dan pengorbanan yang ada di sebaliknya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat Yang Di Hormati Sekalian,

Demikian ALLAH mengetahui bahawa kita sebagai insan memerlukan contoh untuk diikuti. Para nabi Alaihimussalam, terutamanya Nabi Muhammad dan Nabi Ibrahim merupakan penyuluh yang menerangi perjalanan kita dalam menghayati kehendak Tuhan Pencipta kehidupan ini. Para nabi dan orang-orang soleh yang lain telah mendahului kita dalam sejarah perjuangan dan pengorbanan yang sangat hebat. Kita hanyalah menumpang kafilah perjuangan mereka. Maka, janganlah kita terkeluar dari rangkaian orang-orang beriman yang

dipimpin oleh para nabi dan mereka yang soleh. Firman ALLAH dalam Surah An-Nahl ayat 120-123:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٠﴾ شَاكِرًا لِأَنْعَمِهِ اجْتَبَاهُ
 وَهَدَاهُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٢١﴾ وَءَاتَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ۗ وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ
 ﴿١٢٢﴾ ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا ۗ وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya; “*Sesungguhnya Nabi Ibrahim merupakan "satu umat"; dia sepenuh mentaati Allah, lagi teguh di atas dasar tauhid; dan dia tidak pernah menjadi dari orang-orang yang musyrik. Dia sentiasa bersyukur akan nikmat-nikmat Allah; Allah telah memilihnya (menjadi Nabi) dan memberi hidayah petunjuk untuknya ke jalan yang lurus. Dan kami (ALLAH) telah memberikan kepadanya kebaikan di dunia; dan sesungguhnya dia pada hari akhirat adalah dari kalangan mereka yang soleh. Kemudian kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Ibrahim, yang teguh di atas jalan yang benar; dan dia bukan dari kalangan mereka yang musyrik (ahli syirik)*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

Bagi sesiapa yang ingin membaca khutbah dengan dua (2) bahagian, maka hendaklah berhenti di sini, dan memulakan dengan khutbah kedua di bawah. Bagi sesiapa yang ingin membaca dengan satu (1) khutbah sahaja, maka hendaklah meneruskan bacaan sehingga habis teks ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
 اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
 اللَّهُ أَكْبَرُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
 صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ،

Muslimin Dan Muslimat Yang Di Kasihi Sekalian,

Hari ini dan tiga hari tasyrik selepasnya merupakan tempoh untuk kita melakukan ibadah korban. Marilah kita mengikhlaskan diri kepada ALLAH akan tujuan ibadah kita tersebut. Kita melakukannya bagi menunaikan ajaran ALLAH dan RasulNYA demi mendapat keredhaan dan ganjaran pahala. Janganlah kita bersikap riyak, sombong dan bongkak atas ibadah korban yang kita laksanakan. Ia bukan untuk bermegah-megahan, tetapi ia adalah ibadah dan juga lambang kesanggupan kita untuk berkorban pada jalan ALLAH. Firman ALLAH dalam Surah al-Hajj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya; “*Daging dan darah binatang (korban atau hadiah itu) tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah taqwa dari kamu. Demikianlah DIA memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira kepada mereka yang muhsinin (melakukan kebaikan)*”.

Muslimin dan Muslimat Yang Di Kasihi Sekalian,

Suka diingatkan juga, bahawa daging korban adalah milik pembuat korban, bukan milik masjid, surau dan seumpamanya. Pihak pengurusan masjid, surau atau pihak yang mengurus majlis ibadah korban dilarang bertindak sesuka hati mengagihkan daging korban kepada sesiapa sahaja, tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan dari pemilik sebenar daging korban. Jika pihak yang melakukan korban itu telah mengizinkan daging korbannya diambil oleh sesiapa sahaja, maka sesiapa yang hadir boleh mengambilnya. Jika dia berkehendak untuk memberikan daging korban tersebut kepada pihak tertentu, seperti kepada anak yatim, para pelajar, orang miskin, atau golongan tertentu, maka hanya mereka sahaja yang boleh mengambilnya. Sesiapa yang mengambilnya sedangkan dia tidak termasuk dalam golongan yang dimaksudkan, maka dia sebenarnya telah memakan atau mengambil daging korban tersebut secara batil (salah). Allah SWT berfirman:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya; “*Wahai mereka yang beriman, jangan kamu makan harta kamu antara kamu dengan cara yang batil (salah)*”. (Surah An-Nisaa’, ayat 29).

Hari ini dan hari-hari tasyrik merupakan hari mulia di sisi ALLAH. Marilah kita penuh dengan takbir membesarkan ALLAH sebagai tanda syukur kepadaNYA.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Berikan petunjuk hidayah serta rahmatMu kepada kami sekalian hamba-hambaMu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis dan Raja Muda serta kaum kerabat Baginda.

Ya Allah! Makmurkanlah tanah air kami ini dengan amalan-amalan soleh dan hindarilah kami dari bala bencana disebabkan dosa-dosa kemungkarannya yang dilakukan di dalamnya.

Ya Allah! Terimalah ibadah korban kami. Ya Allah! Limpahkanlah rezeki kepada kami dan berikanlah kebahagiaan dalam kehidupan kami.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
العَالَمِينَ.